



Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP)

Bagaimanakah pelaksanaan program?

- Memaklumkan **TARIKH JADUAL (TENTATIF) PELAKSANAAN PROGRAM, TEMPAT DAN NAMA PROGRAM** berdasarkan Surat Perjanjian secara bertulis dalam **TEMPOH 30 HARI** selepas Surat Perjanjian ditandatangani
- Memaklumkan sebarang **PERUBAHAN ALAMAT ATAU MAKLUMAT TERKINI** Pertubuhan / Penerima Bantuan Khas
- **SENTIASA MEMATUHI TERMA-TERMA** dalam Surat Perjanjian dan Garis Panduan Pelaksanaan Program
- Tempoh pelaksanaan program adalah dalam tempoh **SETAHUN**
- **PERMOHONAN SECARA BERTULIS** kepada Ketua Pengarah Agensi sekiranya Pihak NGO ingin:
 - a) menukar program (Rujuk : Klausu Pindaan, Tambahan dan Perubahan Surat Perjanjian); dan
 - b) melanjutkan tempoh pelaksanaan (3 bulan sebelum Surat Perjanjian TAMAT)

Siapakah pelulus permohonan NGO yang memohon?

Permohonan NGO akan di bawa masuk dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukkan Bantuan Khas Perbendaharaan KPWKM untuk proses pemilihan. Proses pemilihan dibuat berdasarkan pengiraan /dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan



penjana
Pelana Jana Semula Ekonomi Negara

Bagaimanakah penyediaan Laporan Pelaksanaan Program PBKP?

- Laporan Pelaksanaan Program (LPP) dikemukakan **DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS PROGRAM** berakhir
- **PROGRAM SECARA BERSIRI/BERPERINGKAT**, Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program dikemukakan **MENGIKUT PERINGKAT, TAHAP ATAU STATUS BESERTA DOKUMEN SOKONGAN PERBELANJAAN** dalam **TEMPOH 30 HARI** selepas program dilaksanakan
- Laporan dalam **BAHASA MELAYU**
- NGO yang menerima PBKP yang tidak mengemukakan LPP akan dianggap **GAGAL** melaksanakan program seperti dipersetujui dalam Surat Perjanjian

Apakah tindakan sekiranya NGO melanggar SOP dan penetapan dalam Surat Perjanjian?

- Sekiranya pihak NGO melanggar syarat-syarat dan terma yang telah ditetapkan seperti yang terdapat di dalam Surat Perjanjian, Kementerian /Agensi boleh mengambil tindakan berikut:
 - i) menamatkan perjanjian dan menarik balik peruntukan; dan/atau
 - ii) menyenaraihitamkan NGO yang bermasalah dan/atau
 - iii) tindakan perundangan dan/atau hapuskira mengikut keadaan kes.
- Sebarang rayuan untuk tidak memulangkan Baki PBKP tidak akan dipertimbangkan. Baki PBKP yang tidak dipulangkan perlu dirujuk kepada urusetia

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Tel : 03 - 8323 1620 / 1614 / 1618 / 1609

Faks : 03 - 8323 2035



Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP)

Siapakah yang layak memohon PBKP ini?

Semua NGO yang berdaftar dengan Akta Pertubuhan 1966.

Siapakah kumpulan sasar yang akan menyertai program-program anjuran NGO yang menerima PBKP?

- 1) Pembangunan Wanita (JPW)
 - Kumpulan Sasar JPW
 - B40, M40 dan T20
 - Usahawan Wanita
 - Pelajar Sekolah/Universiti
- 2) Program Kesejahteraan Keluarga (LPPKN)
 - Lelaki dan Perempuan
 - Pasangan Suami Isteri
 - Remaja
 - Keluarga
- 3) Program Pembangunan Masyarakat (JKM)
 - Kanak-kanak
 - Warga Emas
 - OKU
 - Papa Kedana
 - Mangsa Bencana
 - Pertubuhan Sukarela Kebajikan

Bagaimanakah tatacara permohonan PBKP?

- Mengemukakan kertas kerja dalam Bahasa Melayu
- Permohonan lengkap dan mengikut format
- Menepati bidang keutamaan dan kumpulan sasar
- Kemuka Permohonan SEBELUM program dilaksanakan



penjana
Pelana Jana Semula Ekonomi Negara

Apakah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP)

PBKP yang berkuatkuasa pada tahun 2001 adalah disasarkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi tujuan melaksanakan program-program KPWKM yang berteraskan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi.

Agensi manakah yang terlibat? Permohonan boleh dikemukakan kepada:-

- Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN)

Apakah contoh program yang NGO boleh laksanakan?

- 1) Bidang keutamaan bagi program Pembangunan Wanita
 - Latihan dan peningkatan kemahiran
 - Peningkatan kapasiti wanita
 - Kepekaan gender
 - Kepimpinan wanita
- 2) Bidang keutamaan bagi program Pembangunan Keluarga
 - Kekeluargaan
 - Keibubapaan
 - Persediaan perkahwinan
 - Pembangunan remaja
- 3) Bidang keutamaan bagi program Pembangunan Masyarakat
 - Perlindungan dan Pemulihan Kanak-Kanak
 - Advokasi dan Literasi Akta-Akta Sosial dan Undang-undang
 - Kajian dan Latihan dalam Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat
 - Pembangunan Kapasiti Komuniti & Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)